

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 49 RABU 6 DISEMBER, 1967

1387 رابو 4 رمضان PERCHUMA

Kerja setapak demi setapak laksanakan rancangan2

BANDAR BRUNEI. — Perwakilan Brunei ka-persidangan pertama perundingan2 antara Kerajaan mengenai Penyelarasan Rancangan dan Kerjasama Ekonomi Wilayah dan Daerah yang berlangsung di-Thailand telah kembali ka-tanah ayer.

Persidangan yang berjalan selama 10 hari itu telah di-hadiri oleh Awang Othman Chua Kwang Soon, Pengawal Kastam dan Eksais, Dato Dr. J. S. Gould, penasihat ekonomi Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan dan Awang Zakaria bin Haji Sulaiman, Pegawai Pentadbir Kanan di-Pejabat Setiausaha Kerajaan.

Tujuan utama dari persidangan itu ia-lah untuk menimbangkan satu rancangan tindakan bagi mempercepatkan penyelarasan rancangan dan kerjasama ekonomi, wilayah dan daerah.

Ketua perwakilan Brunei Awang Othman berkata, setelah mengadakan perbincangan sapenoh-nya ka-atas berbagai2 aspek yang boleh digunakan bagi kerjasama ekonomi dan penyelarasan rancangan, persidangan itu memutuskan bahawa di-bawah keadaan2 yang terdapat sekarang, chara atau kaedah yang dapat di-kerjakan dan paling sesuai ia-lah chara menjalankan kerja setapak demi setapak dan hendak-lah di-kerjakan berdasarkan kepada satu persatu dan projek demi projek.

Persidangan itu juga berpendapat bahawa sesuatu yang berfaedah bagi dua atau lebih dari dua buah negeri ia-lah menubuhkan susunan2 kerjasama di-kalangan negeri2 itu untuk menguruskan masalah2 yang di-hadapi bersama mengenai barang2 dagangan, projek dan dasar masing2.

Barang2 dagangan itu boleh jadi barang2 dagangan dari hasil kampong atau pun barang2 perusahaan; dan projek2 itu pula mungkin di-lapangan perindustrian dan di-lain2 lapangan seperti perusahaan pelanchongan, perkapalan dan perkhidmatan tali-

kom dan udara.

Persidangan itu telah juga mengenalkan beberapa buah negeri yang lain dan mengesahkan supaya di-adakan beberapa kajian dalam lapangan ini yang seharusnya di-selenggarakan oleh Jabatan setiausaha Pertubuhan ECAFE dengan kerjasama dari lain2 badan antara-bangsa yang di-fikirkan perlu.

Mashuarat Negeri

BANDAR BRUNEI — Majlis Mashuarat Negeri akan bersidang di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada pukul 9.00 pagi, hari Isnin, 11 Disember, 1967 untuk membincangkan belanjawan negara.

Persidangan itu terbuka kepada orang ramai, tetapi tempat2 duduk ada-lah terhad bilangan-nya. Jurutulis Majlis Mashuarat, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim meminta orang2 yang hendak menyaksikan persidangan mashuarat itu, supaya mendapatkan kad2 kebenaran masuk ka-Dewan Mashuarat daripada beliau.

Permohonan itu hendak-lah dibuat pada bila2 masa pejabat dibuka.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan berjabat tangan setelah baginda mengalungkan Bintang S.L.J. yang di-kurniakan kepada Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Awang G. V. de Freitas.

D.Y.M.M. rasmikan pembukaan Sharikat Kewangan Malaysia Borneo

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan telah merasmikan pembukaan Sharikat Kewangan Malaysia Borneo di-Bandar Brunei pada hari Jum'at lepas.

Sharikat itu di-tubuhkan di-Brunei dengan modal sa-banyak 40 juta ringgit dan mempunyai dua orang Brunei dalam lembaga pengarah-nya.

Sharikat itu menerima wang sa-bagai simpanan di-bawah rancangan simpanan wang untuk menolong penyimpanan2 wang menyimpan dengan mendapat faedah dan memberi pinjaman dan pendahuluan untuk berbagai tujuan bagi menolong penerima2 pinjaman dengan pembiayaan sa-chara praktikal dan ekonomikal.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzuddin Waddaulah ketika merasmikan pembukaan Sharikat Kewangan Malaysia Borneo di-Bandar Brunei

BALAI PULIS, PEJABAT POS AKAN DI-BENA DI-PERPINDAHAN BERAKAS

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Perpindahan Kampong Ayer akan selesai tugasnya di - ranchangan Perpindahan Berakas apabila rangkaian balai pulis bagi kawasan itu siap di-bena nanti.

Pegawai Perpindahan Awang G. D. Becket berkata sa-lain dari balai pulis, bangunan2 kedai dan pejabat pos juga akan di-bena.

Beliau seterusnya berkata, pelan bagi balai pulis itu telah siap dan di-luluskan oleh Pesuruhjaya Pulis.

Kerja membena balai pulis itu akan di-mulakan tidak lama lagi, dan di-jadualkan akan siap pembenaannya dalam tahun depan.

Awang Becket berkata, ke-lambatan memulakan kerja membena balai pulis itu ialah di-sebabkan ada-nya rumah2 di-tapak yang di-chadangkan itu yang di-diami oleh penoreh2 getah Ladang Getah Gadong kepunyaan kerajaan itu.

Tempat2 tinggal bagi penoreh2 getah itu terpaksa di-bena dan sekarang hampir2 siap untuk di-duduki.

Awang Becket berkata, sa-telah penoreh2 getah itu pindah ka-tempat2 kediaman mereka tawaran akan di-buat bagi pembenaan rangkaian balai pulis itu.

Beliau juga berharap akan dapat memulakan kerja membena rumah2 kedai dan pejabat pos pada masa itu juga.

Ranchangan Perpindahan Berakas menampung lebeh dari 100 keluarga dari Kampong Ayer.

Tiga puluh tujuh di-antara-nya telah mendapat rumah yang di-bena oleh Pejabat Perpindahan dengan harga di-antara \$22,000 hingga \$18,000 bagi sa-buah.

Pingat2 dan lenchana2 bagi penghargaan kapada penderma2 darah

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Perubatan telah membuat pingat2 dan lenchana2 untuk di-hadiahkan kapada penderma2 darah sa-bagai penghargaan bagi sumbangan mereka dalam menolong menyelamatkan nyawa.

Pingat2 itu di-buat dalam dua jenis satu jenis bersadur emas, dan satu lagi bersadur perak, dan sama saperti lenchana2 yang akan di-hadiahkan sa-bagai tanda yang menunjukkan berapa kali sa-saorang itu telah mendermakan darah-nya.

Sa-orang juruchakap Jabatan Perubatan berkata, banyak nyawa orang2 yang mengidap penyakit terok atau mendapat kechederaan parah atau kekurangan darah sa-lepas menjalani pembedahan yang besar telah di-selamatkan oleh penderma2 darah.

Pingat2 itu tidak sama harga-nya dengan darah yang di-dermakan mereka itu, tetapi sa-kurang2-nya mereka dapat di-sifatkan sa-bagai satu tanda penghargaan kapada jasa baik

yang telah di-berikan mereka kapada sesama manusia.

Juruchakap itu berkata, beliau berharap pingat2 dan lenchana2 itu akan mendapat sambutan baik dari penderma2 yang telah menderma darah di-masa lampau dan yang akan menderma darah di-masa yang akan datang.

Orang2 yang telah menderma darah lebeh dari 12 kali akan di-hadiahkan dengan pingat emas dan yang telah menderma sa-banyak 6 kali dan kurang dari 12 kali akan di-hadiahkan dengan pingat perak.

Sa-saorang yang telah menderma darah sa-banyak kurang dari 6 kali akan di-hadiahkan dengan lenchana.

Juruchakap itu meminta penderma darah di-masa lampau supaya berhubung dengan Setiausaha Jabatan Perubatan Brunei dengan menyatakan berapa kali ia telah mendermakan darah di-masa lampau.

Satu upacara akan di-adakan untuk menyampaikan pingat2 dan lenchana2 itu kapada penderma2 darah itu.



Gambar atas menunjukkan di-antara yang hadir dalam majlis penubuhan Persatuan Penulis2 Pelajar Brunei, Nombor 4 dari kanan ia-lah Awangku Yusuf bin Pengiran Abbas, Pemangku Yang Di-Pertua Persatuan tersebut.

PERUBAHAN

PENGIRIMAN

WANG

BANDAR BRUNEI. — Ketua Pos Agong Haji Awang Ali Khan telah mengumumkan perubahan harga penjualan dan kadar pembayaran tunai pengiriman wang melalui pos British akibat dari penurunan nilai mata wang Sterling.

Harga penjualan yang baru ada-lah rendah sedikit daripada harga yang sudah2.

Satu shilling Pengiriman Wang Pos British sekarang berharga 53 sen dan satu paun \$7.61 sen.

Kadar pembayaran tunai ialah 36 sen bagi satu shilling dan \$7.34 bagi satu paun.

Jabatan Pos telah juga menetapkan 3 sen bagi nilai satu pence bagi tujuan untuk menambahkan harga Pengiriman Wang Pos British dengan menampalkan setem Brunei dengan tidak lebeh dari dua setem.

Pengiriman Wang Pos British boleh di-dapati dalam bilangan hingga ka-lima paun.

Pengiriman Wang Pos Ireland akan dapat di-tukar di-Pejabat Pos Brunei dengan harga \$9.18 bagi 25 shilling dan \$11.02 bagi tiga puluh shiling.

\$40,000 untok bena jambatan di-Jalan Lumapas

LUMAPAS. — Sa-buah jambatan batu yang menelan belanja kira2 \$40,000 akan di-bena tidak lama lagi di-batu empat Jalan Lumapas.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya berkata ia-nya akan menggantikan jambatan yang lama di-kawasan itu.

Tawaran kerana pembenaan jambatan tersebut telah di-tutup baru2 ini dan kerja2nya akan di-mulakan.

Tawaran2 juga telah di-tutup bagi pembenaan sepuluh buah jambatan di-Jalan Lamunin dan kerja pembenaannya akan di-mulakan tidak berapa lama lagi.

Juruchakap itu berkata jambatan2 itu akan menggantikan jambatan2 kayu yang ada sekarang ini, dan akan menelan peruntokan sa-banyak \$300,000.

1,177 PERMOHONAN UNTUK DAPATKAN TANAH

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Pesuruhjaya Tanah, Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Ahmad telah mengumumkan bahawa sa-banyak 1,177 permohonan untok mendapatkan tanah yang di-buat sa-belum tahun 1955, telah pun di-kemukakan bagi mendapatkan keputusan dari pehak Kerajaan.

Ini tidak termasuk permo-

honan2 untok mendapatkan tanah di-Muara, yang sekarang sedang di-pileh untok di-kemukakan kapada Kerajaan.

Pengiran Dato Paduka Ahmad berkata, sa-banyak 251 permohonan dalam daftar di-daerah Brunei telah di-kemukakan dalam minggu lalu.

Permohonan2 untok mendapatkan tanah di-Tutong dan Belait telah pun di-kemuka-

kan kapada Kerajaan dalam bulan Oktober dan awal bulan November ia-itu 412 permohonan di-Tutong dan 514 bagi Daerah Belait.

Beliau berkata, kerajaan baru2 ini telah memberikan gran kekal bagi 68 keping tanah yang berjumlah 430 ekar dan dua keping tanah bagi sa-lama 60 tahun yang meliputi 8.77 ekar di-Daerah Temburong.

BULAN PUASA BAWA RAHMAT DAN PENGAJARAN

HINGGA KA-AKHIR HAYAT

(Khutbah Juma'at)

Sa-tiap tahun menjelang-nya bulan Ramadhan kita umat Islam menyambut-nya dengan perasaan yang gembira kerana berpeluang lagi menunaikan salah satu rukun Islam ia-itu 'berpuasa'.

Kedatangan bulan Puasa memang di-tunggu2 oleh umat Islam kerana kedatangan-nya itu membawa rahmat dan memberi pengajaran kepada kita dalam menjalani hidup ini hingga ka-akhir hayat.

Sa-bagaimana kita maalam bahawa 'ibadat berpuasa telah di-permankan oleh Tohan dalam kitab suci-nya yang bermaksud:

"Wahai orang2 yang beriman!, telah di-wajibkan Puasa ka-atas kamu sa-bagaimana Puasa itu telah di-wajibkan ka-atas mereka yang terdahulu dari kamu — semoga kamu bertakwa kepada Tohan".

Menurut ayat yang tersebut tadi bahawa Puasa itu di-wajibkan ia-lah supaya kita bersifat dan berusaha untuk menjadi orang yang bertakwa dan dapat di-fahamkan bahawasanya Puasa itu melateh diri orang yang berpuasa untuk bertakwa kepada Allah dengan chara meninggalkan keingin2 semula jadi yang di-haruskan atau dengan perkara yang lain "meninggalkan kehendak hawa nafsu yang di-haruskan semata2 untuk menaati perintah Allah dan untuk mencapai pahala dan balasan yang di-chita2kan daripada Tohan".

Dengan demikian maka kehendak dan runtunan hawa nafsu akan terdidek untuk meninggalkan keinginan2 yang di-haramkan oleh Shara'. Kemudian diri orang yang berpuasa itu akan lebeh kuat untuk menunaikan dan menyempurnakan suruhan2 Tohan yang pada mula-nya di-anggap berat dan sukar — pada hal ringan dan mudah dan dapat di-chapai dengan kesabaran, kerana Puasa itu mendidek kita untuk bersifat sabar sa-bagaiman sabla Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Puasa itu sa-tengah daripada sabar".

Hendak-lah di-ketahui bahawa 'ibadat berpuasa itu bukan-lah arti-nya meninggalkan makan dan minum dengan menyiksa diri dari lapar dan dahaga, tetapi tidak-lah dapat di-nafikan bahawa memang ada kemungkinan bahawa orang yang konon-nya berpuasa, pada hal ia tiada mendapat sa-barang pahala malahan hanya-lah menerima siksa lapar dan dahaga. Ini terbukti daripada sabda Fasalullah s.a.w. yang bermaksud:

"Ada kala-nya orang yang berpuasa itu tiada mendapat faedah daripada puasa-nya, hanya-lah lapar dan dahaga".

PUASA ia-lah salah satu rukun Islam yang lima dan Puasa hendak-lah di-kerjakan menurut sharat2-nya, rukun2-nya dan adab tertip-nya. Mengerjakan Puasa dengan menurut segala sharat2 dan rukun serta adab tertip-nya baharu-an 'ibadat Puasa itu sempurna di-amalkan, maka selagi 'ibadat Puasa itu di-kerjakan dengan tidak menurut kehendak2 yang di-tetapkan oleh suara', maka tentu-lah orang yang berpuasa ini hanya akan menderita lapar dan dahaga.

Perkara2 yang patut di-ambit berat dalam mengerjakan Puasa terlalu-lah banyak antara-nya ia-lah niat berpuasa dan niat berpuasa pada bulan Ramadhan itu hendak-lah betul, kerana niat itu ada-lah satu perkara yang di-mestikan sa - bagaimana sabda Nabi yang bermaksud: "Bahawa sesungguhnya segala pekerjaan itu di-tentukan dengan niat". Dan sa-bagaimana kita ketahui bahawa niat itu hendak-lah dengan hati, perlaku pada malam hari ia-itu antara maghrib dan sabelum fajar dan boleh-lah niat itu di-lapadzkan dengan lidah, di-tasdkikan dengan hati.

Dan satu perkara lagi yang harus di-ambil berat ia-lah berhubung dengan pemelihan

diri orang yang berpuasa itu daripada segala perkara2 yang boleh membatalkan puasa. Sa-bahagian dari perkara2 yang membatalkan Puasa itu ia-lah memasokkan sesuatu ka-dalam rongga yang terbuka dengan sengkaja walau sedikit pun, muntan dengan sengkaja, melakukan persetubohan dengan sengkaja pada siang hari dan lain2 lagi yang dapat di-ketahui menerusi kitab2 fikah berhubung dengan perkara ini.

Semasa melakukan 'ibadat Puasa kita hendak-lah menurut adab tertip-nya semoga 'ibadat kita itu tidak-lah sia2, umpama-nya memelihara lidah kita daripada bergerak untuk menchakapkan perkara2 yang sia2, mengumpat2 orang memaki dan lain2 lagi sa-bagaimana yang tersebut dalam hadith "Qudsi" ia-itu perman Tohan melalui sabda Rasulullah yang maksud-nya:

"Bahawa tiap2 amal manusia itu ada-lah untuk manusia itu sendiri melainkan Puasa, maka amal Puasa itu ia-lah bagi Tohan dan Tohan memberi balasan ia-itu pahala. Dan Puasa itu ia-lah sabagai dinding, maka apabila sa-saorang daripada kamu berchakap perkara yang sia2 dan kotor dan jangan-lah ia riuh rendah maka apabila ia di-maki atau bergaduh hendak-lah ia berkata, "sesungguh-nya aku ini Puasa, dan demi diri Mohamad dalam kekuasaan-nya

sesungguh-nya mulut orang yang berpuasa itu di-sisi Tohan ada-lah lebeh harum daripada bau kasturi".

Di-samping itu kita hendak-lah menjaga anggota2 kita yang lain daripada melakukan perkara2 yang di-larang oleh Tohan dan ada-lah di-galakkan dalam bulan Puasa ini supaya kita membanyakkan 'ibadat seperti membacha Kor'an, bersedakah dan lain2 lagi.

Sa - bahagian daripada orang2 Islam semasa menunaikan Puasa kelihatan sentiasa berlutah, mereka tidak menelan ayer lior mereka, pada hal tidak ada hukum shara' mengatakkan bahawa menelan ayer lior yang raseh mulut itu boleh membatalkan Puasa. Sa-benar-nya berlutah dikhalayak ramai ada-lah satu perkara yang agak kurang manis dan boleh mendatangkan jijik kepada orang lain dan sentiasa berlutah itu pula boleh menjadikan orang berpuasa itu berasa amat dahaga.

Oleh yang demikian adal-ah di-nasihatkan kepada orang2 yang berpuasa supaya tangan-lah sentiasa berlutah kerana sebab2 yang telah diterangkan tadi dan menelan ayer lior yang dalam mulut itu bukan-lah satu perkara yang membatalkan Puasa.

Dengan berkat bulan Ramadhan yang pintu shorga terbuka kerana-nya, semoga Allah Subhanahu Wa-ta'ala menerima kita ka-dalam-nya dengan usaha kita yang juju dan niat yang suci dan semoga pintu neraka yang tertutup kerana-nya itu akan terus terap kepada kita.



Sa-rombongan ahli2 dari Persatuan Peladang Kampong Melilas, Ulu Belait yang di-ketuai oleh Penghulu Kana, penghulu Kampong Melilas telah mengadakan lawatan sambil memerhati ka-Pusat Pertanian di-Kilanas dalam minggu lalu. Pegawai2 di-pusat tersebut telah mengalu2kan lawatan mereka itu dan menunjukkan ka-berbagai2 bahagian tanam2an yang di-olahan di-pusat tersebut seperti tanaman padi, pokok2 buah2an, ternakan2 dan pemeliharaan ikan serta lain2 lagi. Mereka juga telah berpeluang untuk mengemukakan kemuski-lan2 di-lapangan pertanian dan penjelasan2 telah di-berikan oleh pegawai2 di-pusat itu. Gambar atas menunjukkan mereka sedang di-bawa melihat di-keliling Pusat Pertanian itu.

PELITA BRUNEI

6 Disember, 1967.

PUASA

HARI ini sampai-lah kita umat Islam di seluruh negara memaikan faridul Puasa yang keempat hari dan selama tiga hari yang lalu kita telah menghidupkannya dengan penuh ketabahan sa-hingga kita dapat menyempurnakannya, walaun pun mungkin diantara kita telah merasakan kepayahan-nya, namun dapat juga kita atasi kerana itu adalah sa—menang-nya ditugaskan terhadap kita umat Islam.

Sepanjang bulan Puasa, umat Islam di-larang makan, minum atau merokok, disamping itu juga di-larang berpuasa panjang hari dari fajr hingga matahari masak.

Jika orang Islam di-dapati tidak berpuasa dan melanggar peraturan-nya, maka boleh di-tangkap tanpa surat warant oleh anggota polis, pengulu2 dan sategah2 pegawai2 agama.

Disamping itu Jabatan Hal-Ehwal Ugama juga telah pun melantik beberapa orang pegawai penyiasat Ugama untuk mengkuatkuasakan undang-2 yang menguasai Puasa.

Undang-2 membolehkan bahawa sa-sorang Islam yang tidak berpuasa boleh di-denda sa-banyak \$80.00 kerana kesalahan pertama; \$75.00 kerana kesalahan kedua dan \$100.00 kerana kesalahan ketiga.

Untuk menolong mengetatkan undang-2 itu,arahan2 telah pun di-berikan kepada tuan2 punya kedai makan, restoran2 supaya bekerjasama dengan tidak menjual minuman atau makanan kepada orang2 Islam sepanjang siang hari dalam bulan Puasa ini. Jika di-dapati tuan punya kedai makan atau restoran jika thabit bersalah boleh di-laporkan hukuman kerana melayani orang2 Islam itu dengan menjual makanan dan minuman kepada mereka pada siang hari dan membiarkan mereka makan dan minum di-tempat tersebut.

Apa yang penting dari keseluruhan arahan2 dan peraturan2 itu ada-lah untuk mengingatkan kepada umat Islam di-negeri ini supaya mematuhi ajaran2 Islam dan menjunjung kesucian Ugama kita yang maha suci itu, agar jangan sampai bahawa dari umat Islam sendiri menodai kesucian Ugama-nya dan mengkar pada tugas dan tanggungjawab-nya terhadap apa yang di-katakan meng-hormati dan menjunjung Ugama yang di-amut-nya.

Memang di-aku bahawa soal palasa tidak terdapat dalam Ugama dan sa-satu perkara itu harus di-lakukan dengan kerelaan hati. Chuma kita sebagai umat Islam haruslah menyeyari akan tanggungjawab kita terhadap kesucian Ugama itu dan adalah suatu keberuntungan jika kita dapat menghindarkan dari gejala2 yang kurang baik dan berjaya pula diri kita mempertahankan kesucian Ugama kita yang maha suci itu.



Kaadi Besar Brunei, Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin sedang menyampaikan piula bagi hadiah yang pertama kepada Awang Haji Besar bin Yahya yang berjaya dalam peraduan Bang dan Berzanji.



Pasukan Hadrah Kampong Batu Marang yang di-pimpin oleh Awang Muhaimin bin Dato Imam yang berjaya menjadi Johan.



Walapun PARANGKAP mendapat ketiga dalam peraduan Tablo peringat negeri, tetapi pelakon utama-nya, Abd. Rahman Salim (kiri) berjaya menjadi pelakon utama yang terbaik, sementara Norniah Yusof (di-belakang Abd. Rahman) menjadi pelakon perempuan yang terbaik.

SAMBUTAN, NUZUL AL-KOR'AN 1.400 TAHUN TANAM SEMANGAT CHINTAKAN KITAB SUCI ITU

SEJAK bulan November, 1967 yang lalu, daerah2 di-seluruh negeri masing-masing telah mengadakan sambutan bagi mengingati Nuzul Al-Kor'an yang ka-1400 tahun dengan mengadakan berbagai2 acara yang ber-corak keagamaan.

Walaupun sambutan di-daerah2 Belait, Tutong, Temburong dan Brunei dan Muara telah selesai, tetapi sambutan itu tidak berakhir hanya sa-takat itu saja. Maka sambutan2 peringat negeri akan di-langsungkan di-Bandar Brunei sa-lama kira2 sa-minggu dari 1926 Disember, 1967.

Dari tarikh itu peraduan2 yang telah di-landungkan dalam peringat daerah itu akan di-suskan semula untuk memilih kejohanan peringat negeri. Maka Bandar Brunei yang menjadi pusat bagi pertandingan peringat negeri ini, nescaya akan menghidupkan kesibukan di-samping menghiasi diri-nya dengan perhiasan2 yang beraneka warna terutama simbalan di-hiasi lampu2 aneka warna yang akan menambahkan keindahan di-waktu malam kepada Masjid Omar Ali Saifuddin dengan Mahligainya di-Lagoon, Bangunan Jabatan Hal-Ehwal Ugama dan Bangunan Madrasah.

Bandar Brunei nescaya akan lebih menarik lagi bilamana diadakan peraduan2 yang berlainan kaki dan berchuchol bagi rumah2 baik di-kampung ayer mahu pun di-kampung2 datan.

Sa-bahagian dari peraduan2 peringat negeri telah pun di-langsungkan dan kejohanan2 dalam peraduan itu telah pun di-terapkan hanya menunggu hari penyempurnaan hadiah saja lag.

Antara peraduan2 peringat negeri yang telah di-langsungkan itu ia-lah peraduan penentuan tablo antara peraduan2 belia atau takop dari satu cherita yang berjudul "Di-bawah sinaran suci".

Kemuncak bagi sambutan Nuzul Al-Kor'an itu akan berlangsung di-saat Mahaligai yang peringat akhir penbeanan-nya sedang berjalan lancar.

Tujuan besar Jabatan Hal-Ehwal Ugama menganjurkan sambutan Nuzul Al-Kor'an sa-chara besar2an tahun ini ada-lah berdiru kukuh atas satu nilai yang suci sa-tu bagi menanamkan semangat chintakan Al-Kor'an dan menjunjung tegoh atas ajaran2 yang terdapat di-dalam-nya yang di-tujukan khas bagi seluruh umat Islam di-negeri ini di-samping beberapa tujuan yang lain pada dasar-nya bagi menanamkan kesedaran beragama, chintakan bangsa dan tanah ayer di-kalangan rakyat Brunei Darus-salam.

Niat yang suci ini telah mendapat sambutan hangat terutama di-kalangan umat Islam saperimana sambutan itu sa-mesti-nya di-berikan oleh mereka. Inilah satu semangat yang telah dapat ditunjukkan oleh rakyat Islam di-negeri ini yang sa-chara kasar dapatlah di-anggap bahawa betapa azam mereka yang kuat bagi menegakkan Ugama Islam yang maha suci dan betapa pengorbanan yang telah di-berikan mereka terhadap-nya. Sudah barang tentu mereka itu tidak mengharapkan sa-bintang balasan, malah mereka berchukur kerana dapat peluang untuk berchuku kepada Ugama dan Toban yang maha esa.

Bulan hanya setakat sambutan Nuzul Al-Kor'an ini saja, malah di-beberapa sambutan2 yang lain yang berunsur Ugama sapersu sambutan Mauludin Nabi dan Isra' dan Meraj, umat Islam di-negeri ini tidak teragak2 untuk berpenat lelah dan memberikan sumbangan moral dan material kerana sambutan2 tersebut. Timbulnya semangat sa-pumpama ini tidaklah di-ragukan lagi bahawa ia-nya timbul kerana di-timbulkan oleh usaha2 yang besar dari Jabatan Hal-Ehwal Ugama kerana tidak jemu2 menalatkan perantarnya yang penting yang secara langsung bertanggung-jawab bagi perkembangan Ugama Islam di-negeri ini.

Dalam kelainan ini di-siarkan sepuluh keping gambar yang di-dalam sambutan2 kerana mengingati Nuzul Al-Kor'an yang di-dianggunkan di-Padang Besar dan di-Dewan Madrasah dalam minggu lepas.



In-lah penentuan Tablo dari Perastian Majlis Belia Daerah Brunei dan Muara yang berjaya menjadi Johan. Pasukan ini juga memenangi dekorasi yang terbaik dan pelakon pembantu yang terbaik.

AL-KOR'AN 1.400 TAHUN



Pegawai2 Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Dato Seri Laila Jasa Karamuddin sedang berchuchap di-pembukaan sambutan Nuzul Al-Kor'an.



Wakil kumpulan Nashid Sekolah Rendah sedang menerima hadiah kemenangan-nya dari Y.B. Pg. Damit bin Pengiran Sunggoh.



Jawan sambilan persarungan dan persatuan2 belia, Awang Ahmad bin Abu Bakar dari PERKASA.



Awang Abd. Latif Wahab, ketua kumpulan Hadrah Tunas Harapan Kg. Delima yang berjaya menjadi Naib Johan sedang menerima hadiah-nya.



Norniah Yusof sedang menerima hadiah Johan sajak bahagian perempuan dari Yang Berchamat Penolong Menteri Pertanian, Pg. Damit bin Pengiran Sunggoh.



Awang Damit bin Haji Kawang yang berjaya menjadi Johan Qasidah sedang menerima hadiah kemenangan-nya dari Kadhi Besar Brunei, Awang Haji Md. Zain.

Istiadat mengurniakan bintang2 dan pingat2 kepada 63 orang

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan telah mengadakan majlis pengurnian Bintang2 dan Pingat2 kebesaran kepada 63 orang di-Istana Darul Hana pada hari Khamis lepas.

Sinarai penerima2 bintang2 dan pingat2 itu telah di-dahului oleh tujuh orang yang menerima bintang Seri Laila Jasa, darjah ke-tiga.

Bintang Darjah Mahkota Brunei darjah ke-tiga telah di-kurniakan kepada 16 orang.

Duli Yang Maha Mulia mengurniakan Pingat Omar Ali Saifuddin, pangkat pertama kepada dua orang dan 11 orang menerima Pingat Omar Ali Saifuddin pangkat ke-dua.

Lima orang menerima Pingat Jasa Kebaktian, tujuh Pingat Kerja Lama dan 15 menerima Pingat Perjuangan.

Di-bawah ini di-siarkan sinarai nama2 orang yang menerima bintang2 dan pingat2 tersebut.

S.L.J. (Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Laila Berjasa) Darjah Ke-tiga.

Yang Di-Muliakan Pehin Bendahari Haji Mohamed Taha bin Bakir, Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman, Yang Mulia Pengiran Jadid bin Pengiran Nasaruddin, Dr.

C. M. Lamplugh, Awang E. W. Williams, Awang J. E. B. White, dan Awang G. V. de Freitas.

S.M.B. (Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Di-hormati) Darjah Ke-tiga.

Yang Mulia Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh, Yang Mulia Penyurat Haji Abu Bakar bin Jambol, Syed Hussain bin Abdillah Alkalf, Awang J. Turner, Awang J. L. Firth, Abang Razalli bin Abang Haji Zainuddin, Awang Ibrahim bin Safar, Awang Haji Metassim bin Japaruddin, Awang Nordin bin Abdul Latiff, Awang Hashim bin Tahir, Awang Othman bin Bidin, Awang Haji Hamid bin Awang Damit, Awang Mohamed Ali bin Awang Besar, Dr. P. V. Hart, Dr. Fitzpatrick dan Awang Othman Chua Kwong Soon.

P.O.A.S. (Pingat Omar Ali Saifuddin — Pangkat Pertama).

Y.D.M. Begawan Mudim Haji Adnan bin Dato Imam Haji Mokti dan Awang Judin bin Asar.

P.O.A.S. (Pingat Omar Ali Saifuddin — Pangkat Kedua).

Awang Ahmad bin Ramli,

Haji Abdul Rahman bin Muhamad, Awang Haji Abdul Kadir bin Haji Hassan, Awang Haji Jalil bin Haji Noor, Dayangku Chuchu binte Pengiran Mohamed Daud, Awang Ali bin Haji Metassim, Dayang Zaiton bin Johan, Awang Abu Bakar bin Abdul Latiff, Awang Bachi bin Othman, Awang Mahmud bin Pehin Perbandarahan di-Raja Haji Ali Hussein dan Wan Chik bin Wan Ismail.

Pingat Jasa Kebaktian:

Awang Abdul Karim bin Pukul, Awang Radin Mas Ismail bin Pehin Dana Laila Haji Hanafi, Awang Mohamed Tahir bin Metassan, Pengiran Jaluddin bin Pengiran Mohamed Limbang dan Awang Haji Umar bin Seruddin.

Pingat Kerja Lama:

Awang Suhaili bin Abun, Awang Abdul Hamid bin Penyurat Haji Abu Bakar, Pengiran Tajuddin bin Pengiran Anak Hashim, Awang

Abdullah bin Ali Hashim Awang Abdul Rahman bin Haji Jaafar, Yang Di-Muliakan Orang Kaya Bandar Mohamed Dayang bin Dato Bandar Haji Tamit dan Awang Abdul Karim bin Pukul.

Pingat Perjuangan:

Pengiran Safiuddin bin Pengiran Haji Sulaiman, Alfredo Mercado Minano, Pengiran Dato Setia Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar, Awang Ibrahim bin Latiff, Awang Abdul Karim bin Pukul, Awang Jafar bin Talip, Awang Tabari bin Balang, Awang Tuah bin Tali, Pengiran Tajuddin bin Pengiran Haji Momin, Pengiran Besar bin Pengiran Kula, Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Haji Abu Bakar, Awang Daud bin Haji Abu Bakar, Pengiran Haji Othman bin Pengiran Metassan, Awang Yusof bin Abdul Rahman dan Pengiran Haji Sulaiman bin Pengiran Momin.

BOLA KERANJANG DI-SERIA PASOKAN BANDAR BRUNEI TEWAS

SERIA. — Peringkat akhir perlawanan bola keranjang antara daerah telah tamat di-Seria dengan Seria munchul sa-bagai johan dalam kedua bahagian lelaki dan perempuan.

Enam pasokan, tiga pasokan lelaki dan tiga pasokan wanita yang mewakili Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait telah mengambil baha-

gian.

Bandar Brunei telah mendapat tempat yang kedua dalam bahagian lelaki dan Kuala Belait mendapat tempat kedua dalam bahagian wanita.

Perlawanan itu telah di-adakan di-padang Persatuan Kejuruteraan China dan di-anjarkan oleh Persatuan Seria Belait untuk memilih pemain2 untuk mewakili Brunei dalam perlawanan bola keranjang antara wilayah yang akan di-adakan di-Sandakan lewat bulan ini.


Pasar gembira

SERIA. — Pasar Gembira selama lima hari yang di-anjarkan oleh Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait untuk mengutip derma bagi Rumah Orang Tua Seria telah tamat pada hari Rabu lepas.

Pasar Gembira itu telah mendapat hasil sa-banyak \$4,050 untuk rumah tersebut.

Pasar Gembira itu telah di-adakan di-Gelanggang Sukan Seria. Ia-nya telah di-kunjungi ramai walaupun hujan telah turun pada beberapa waktu semasa ia-nya di-adakan.

Perlawanan tarek tali anjoran 'KEMUDI' telah di-adakan di-padang Sekolah Melayu Kiudang baru2 ini untuk menyambut hari keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan yang ka-51. Dalam Gambar di-bawah menunjukkan pasokan2 Pejabat Pertanian Birau dan Kampong Kiudang sedang beradu kuat yang mana keputusan-nya Pasokan Kampong Kiudang telah berjaya dalam perlawanan tersebut.



PILEHAN RAYA KECHIL DI-TEMBURONG

8 JAN. 68

TEMBURONG. — Tiga orang chalon akan bertanding dalam pilihan raya kecil kawasan Temburong pada 8 Januari, 1968 hadapan.

Mereka itu ia-lah sa-orang anggota Barisan Kemerdekaan Raayat, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud, Awang Haji Abu Bakar bin Baha (chalun bebas dan Awang Abdul Ghani bin Haji Taim (chalun bebas).

Haji Awang Abu Bakar ia-lah sa-orang ahli dalam Majlis Mashuarat Daerah Temburong, sementara Awang Abdul Ghani ia-lah sa-orang ahli perniagaan yang tidak asing lagi bagi daerah itu.

Kempen bagi pilihan raya itu telah di-buka dengan rasminya pada hari menamakan chalun2 tersebut dan akan ber-



Haji Ag. Abu Bakar



Awang Abdul Ghani

akhir pada 7 Januari, 1968.

Untuk mengenalkan chalun2 itu kepada para pengundi2 di-kawasan pemilihan Temburong ini-lah di-siarkan pula wajah chalun2 bebas itu — Haji Abu Bakar bin Baha

dan Awang Abdul Ghani bin Haji Taim.

Gambar chalun2 bebas itu tidak di-siarkan dalam keluaran yang lalu ia-lah kerana usaha Pelita Brunei hendak mendapatkannya hanya berhasil sa-telah Pelita Brunei selesai di-terbitkan pada 29 November.

JAWATAN KOSONG

Pemohonan2 ada-lah di-jemput daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat bagi memenohi jawatan sa-bagai Pemandu Tingkat I di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei. Pemohon2 mesti-lah raayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau yang berhak di-daftarkan sedemikian.

KELAYAKAN2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu dengan tidak pernah di-hukum kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah memandu yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan kecil

TUGAS2:

Pemohon2 mesti-lah bersedia menjalankan tugas2 siang atau malan di-sebarang daerah di-negei ini.

GAJI:

Dalam skema gaji F. 3 P. 3 4 — \$200 x 5 = 220/23/25 x 5 = 240.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 18 Disember, 1967.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 6 Disember, 1967 hingga ka-hari Selasa 12 Disember, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
6 Dis.	12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17
7 Dis.	12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-49	6-17
8 Dis.	12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17
9 Dis.	12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17
10 Dis.	12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17
11 Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01	6-19
12 Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01	6-19

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

DUA ORANG PEGAWAI YANG BERKURSUS DI-SYDNEY BALEK KA-TANAH AYER

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai, Awang Ramli bin Mohamed Said, sa-orang Penulong Rancangan Radio Brunei dan Awang Suhaimi bin Haji Ismail sa-orang Penulong Pegawai Penerangan Jabatan Pertanian telah kembali ka-tanah ayer dari Australia sa-lepas menghadiri satu kursus enam minggu mengenai gerakan penyiaran pertanian.

Dua orang pegawai itu telah berada sa-lama sa-minggu di-ibu pejabat Surohanjaya Penyiaran Australia di-Sydney sa-belum di-hantar ka-daerah2 di-New South Wales untuk bekerja dengan kakitangan2 rancangan luar bandar Siaran Radio Australia.

Mereka kemudiaannya di-hantar ka-Canberra dan melawat ka-beberapa kawasan pertanian di-lain2 daerah.

SI-TUYU

DULU: SEMASA MENUKARKAN WANG BARU

SAKARANG: AKIBAT KEJATOHAN WANG LAMA



MASOK BARAT KALUAR SUN BARAT!

MASOK BAIMPIT KALUAR SADIKIT!

KERJASAMA AHLI2 M.M.D. SALAMA INI BANYAK MENGUNTONGKAN KERAJAAN

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara Awang Mohamad Ali bin Awang Besar pada minggu lalu menyeru ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Brunei Muara supaya memberikan kerjasama dan pertolongan mereka kepada pihak kerajaan sama ada di-dalam mahu pun di-luar majlis mashuarat itu.

Awang Mohamad Ali ketika berucap di-majlis mashuarat bulanan majlis itu berkata, kerjasama dan pertolongan mereka yang di-berikan pada masa2 yang lampau, telah mengujudkan banyak kebaikan kepada pihak kerajaan dan rakyat di-negeri ini.

Mashuarat yang berlangsung di-Sekolah Menengah Arab batu satu jalan Tutong itu adalah merupakan sidang terakhir bagi tahun ini.

Awang Mohamad Ali yang menjadi pengurus kepada majlis mashuarat itu berkata pelaksanaan projek2 pembangunan boleh di-laksanakan dengan lacin dengan kerjasama dan pertolongan yang di-berikan oleh ahli2 majlis dan kaki-tangan jabatan2 kerajaan awam.

Awang Mohamad Ali Kemudian-nya menyentoh sedikit mengenai projek2 pembangunan yang di-buat dan di-selesaikan dengan jaya-nya oleh jabatan beliau.

Ini meliputi satu rangkaian jalan2 di-kawasan luar bandar, jambatan2 dan rancangan bekal-ayan di-kawasan2 luar bandar.

Terdahulu sa-belum itu majlis mashuarat Daerah Brunei-Muara itu telah mendengarkan

soalan2 yang di-kemukakan oleh ahli2-nya.


Menyentuh tentang gerai2 makan yang di-chadangkan di-Bandar Brunei, Awang Mohamad Ali berkata, ia-nya telah di-shorkan di-kawasan dekat dengan band-stand, Jalan Subok.

Beliau berkata, kawasan yang sesuai untuk gerai makan itu akan di-kaji semula sa-telah

Jambatan Kianggeh dan tambahan kastam selesai dan siap pembenaan-nya.

Sementara itu beliau juga telah mengumumkan bahawa enam buah kampung di-daerah Brunei-Muara akan di-perlengkapkan dengan balai2 raya.

Kata-nya, balai2 raya itu akan di-bena di-Masin, Kiarong, Jerudong, Tungku, Kiu-lap dan Pangkalan Batu.



Yang Berhormat Pemangku Menteri Besar Brunei, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof kelihatan sedang menanda tangani poster Sharikat Kewangan Malaysia Borneo ketika upacara pembukaan rasmi sharikat itu di-langsungkan pada hari Juma'at lepas.

USOL MEMINTA SA-ORANG GURU UNTUK MENGAJAR DARJAH VI DI-BATU APOI

TEMBURONG. — Majlis Mashuarat Daerah Temburong dalam mashuarat bulanan-nya yang telah berlangsung pada hari Sabtu yang lalu di-bilik mashuarat Pejabat Pegawai Daerah, telah meluluskan tiga usol.

Mashuarat tersebut telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak yang menjadi Pengurus Berjawatan kepada majlis itu.

Majlis tersebut bersetuju dengan shor yang di-kemukakan oleh Awang Metussin bin Aliakbar bahawa wakil pejabat pos di-lantek di-kampung2 yang menurut pendapat kerajaan wakil2 seperti itu harus di-adakan.

Tugas-nya ia-lah untuk menjual setem2, menerima dan mengirinkan surat2 dan bungkusan2 termasuk surat2 ber-

daftar.

Haji Aawng Abu Bakar yang usol-nya juga di-luluskan oleh majlis telah meminta supaya pejabat yang berkenaan dapat mengagor bagi di-adakan sharahan2 ugama di-sekolah2 seperti di-Amo dan Kenua.

Usol ketiga yang di-ke mukakan oleh Awang Tuah bin Tali ia-lah berhubung dengan menempatkan sa-orang guru ka-Sekolah Melayu Batu Apoi kerana mengajar darjah enam di-sekolah itu.

Setem nuzul Kor'an

Pengeluaran khas setem2 untuk menandakan Nuzul Al-Koran yang ka--1,400 akan di-jual di-pejabat2 pos di-Brunei pada 19 Disember.

Setem2 itu berharga 4 sen, 10 sen, 25 sen dan 50 sen.

Pengeluaran khas setem2 ini akan terus di-jual dalam masa tiga bulan atau hingga setem itu habis di-jual

Brunei, M'sia
dan S'pura
putusan
tidak menilai
semula
mata wang
masing2

BANDAR BRUNEI. — Brunei, Malaysia dan Singapura telah mengesahkan yang ketiga2 negeri itu tidak berniat untuk menilai semula mata wang-nya.

Persetujuan tersebut telah di-chapai di-satu mashuarat di-Kuala Lumpur pada minggu lalu di-antara Menteri2 Kewangan Malaysia Singapura dan Brunei yang di-wakilkan oleh Pegawai Kewangan Negara Yang Berhormat Dato John Lee.

KEKAL

Wang2 ringgit baru yang di-keluarkan oleh ketiga2 buah kerajaan tersebut, ia-itu dari semenjak bulan June yang lalu, nilai-nya akan kekal ia-itu bersamaan 0.290299 gram emas bersch.

Menteri2 kewangan itu juga menyatakan bahawa mereka tidak berniat untuk mengubah keputusan mengenai wang ringgit lama yang di-keluarkan oleh Lembaga Pesuruhjaya2 Mata Wang Malaya dan British Borneo.

Satu ringgit wang lama sekarang bernilai hanya 85.71 sen berbanding dengan wang ringgit baru Brunei, Malaysia dan Singapura.

Menteri2 dari ketiga2 buah negeri itu dalam satu kenyataan bersama-nya selepas mashuarat itu berkata, mereka telah mengkaji semula kesan penilaian semula mata wang Sterling dan membincangkan tentang satu tarikh yang sesuai, untuk menarek balek ringgit2 lama, sebagai mata wang yang sah.

TARIKH TERAKHIR

Mereka bersetuju mengesorkan bahawa satu tarikh hendak-lah di-tetapkan kerana itu, tetapi untuk memberikan masa yang luas kepada orang ramai untuk menukar wang lama-nya kepada wang2 baru itu, telah di-persetujui bahawa tarikh itu hendaklah jangan sebelum 31 Disember tahun depan.

Kehormatan kapada 3 anggota Pulis yang akan bersara

BANDAR BRUNEI. — Timbalan Pesuruhjaya Pulis, Pengiran Dato Utama Jaya bin Pengiran Haji Rajid pada hari Sabtu yang lalu telah menyampaikan tongkat2 kehormatan kepada tiga orang anggota pulis.

Mereka ia-lah Sarjan Pehin Orang Kaya Indera Dewa Haji Awang Musa bin Hitam, Sarjan Awang Maimud bin Bakar dan Kopral Pengiran Haji Damit bin Pengiran Jambol yang akan bersara dari pasokan pulis.

Pengiran Dato Utama Jaya berkata, ketiga2 anggota pulis itu berkhidmat dengan baik-nya dan ada-lah ta'at setia kepada kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda dan pegawai2 tinggi mereka.

Timbalan Pesuruhjaya Pulis menguchapkan kesejahteraan kepada mereka semasa bersara dan mengesakan lain2 anggota pulis supaya manchohntohi tauladan yang di-tunjukkan oleh anggota2 NCO yang akan bersara itu dengan berkhidmat sa-chara jujur dan penoh kesetiaan kepada kerajaan.